

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"ORANG-orang yang pandai Al-Quran dengan sendirinya akan menghayati Al-Quran. Inilah rahsia Al-Quran. Ia akan jinak kepada ahlinya, yakni siapa yang pandai serta sentiasa menyukainya dan akan jauh dari siapa yang berkeadaan sebaliknya." - Titah Sempena Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1430 Hijrah / 2009 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"BERDOALAH kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Araf, ayat 55.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 9

20 JANUARI 2018 / 1439 جمادي الأول 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Berkenan kurniakan Watikah Pelantikan dan menerima Surat Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta-Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mohd Shafiee bin Haji Kassim. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3 dan 4).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam  
infodept.bn  
infodept\_bn

## Sektor penerbangan semakin berkembang

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Sektor penerbangan merupakan satu sektor yang penting dan berkembang pada semasa ke semasa yang turut menyumbang

kepada sumber ekonomi negara. Sektor tersebut juga dilihat mampu dikembanguatkan dalam memberikan pekerjaan kepada rakyat tempatan. Perkara tersebut dinyatakan

oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Anugerah Biasiswa Khas Pegawai Trafik Udara di Kementerian Perhubungan, Berakas, di sini.

Ke muka 7



Muka 5

MENTERI Pendidikan terima kunjungan hormat



Muka 6

LOJI Mini beri kemudahan pembelajaran IBTE



Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

# Melahirkan pemimpin cemerlang, bercalak keBruneian impian negara

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita semua dapat sama-sama hadir ke Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2018.

Terlebih dahulu, peramba / kaola / saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kesudian hadir ke Sesi Muzakarah bersama Kementerian Pendidikan kita pada pagi yang mulia ini. Di kesempatan ini juga, peramba / kaola / saya sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baharu Masihi 2018 dan berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus mengurniakan kita kekuatan serta petunjuk-Nya jua dalam memberkati usaha kita memantapkan lagi tahap pendidikan di negara ini.

Dalam usaha Kementerian Pendidikan meningkatkan kualiti pendidikan di semua peringkat, iaitu rendah, menengah, pasca-menengah, pendidikan teknikal dan vokasional serta pengajian tinggi, beberapa strategi telah disediakan demi melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Ini juga adalah selaras dengan visi Kementerian Pendidikan, iaitu 'Pendidikan Berkualiti, Negara Dinamik' serta misinya 'Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua'. Dalam erti kata lain, Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang kritikal dalam menggapai matlamat 'Brunei Maju' sebagaimana jua hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah baginda bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018 baru-baru ini.

Dalam keghairahan kita membangunkan sumber tenaga manusia yang berpendidikan, penerapan dari aspek agama serta nilai-nilai hidup dari awal pendidikan dan hingga ke peringkat pengajian tinggi mestilah dilaksanakan. Adalah menjadi impian bagi kita melahirkan modal insan atau pemimpin yang cemerlang dan memiliki sifat-sifat kerohanian dan calak-calak keBruneian. Oleh itu, penerapan dan penguatkuhan pendidikan agama dan MIB (Melayu Islam Beraja) dalam kalangan pelajar-pelajar di semua peringkat akan terus diberi keutamaan oleh Kementerian Pendidikan. Malah dari semasa ke semasa pihak Kementerian memperkemas kini pengajaran MIB di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian agar ia menjadi satu budaya, jati diri bangsa Brunei, dan setinggi mana pun pendidikan seseorang itu, dan ke mana pun ia menuntut, tidak akan ia lupa dirinya. Perkara ini kita ambil berat agar bangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam kekal dengan identitinya sebagai sebuah



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2018 pada Rabu, 23 Rabiulakhir 1439 Hijrah / 10 Januari 2018 Masihi bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Jalan Kebangsaan, Kampung Sungai Akar.**

negara MIB.

Sehubungan ini, peramba / kaola / saya sukacita mengongsikan dan menghuraikan serba sedikit mengenai dengan perkembangan yang telah dilaksanakan dan pencapaian yang telah dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan sepanjang tahun lepas sehingga masa kini.

## 1. Pertama ialah melalui penggubalan Strategi Pendidikan Di Peringkat Rendah dan Menengah.

Dalam mendukung usaha negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, bermula tahun 2015, kita telah menyaksikan Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah (Primary Education Initiatives atau PEI dan Secondary Education Initiatives atau SEI). Hasilnya, pada tahun ini peningkatan sebanyak 2.5 peratus pelajar kita telah memperoleh Gred 'A' hingga Gred 'C' dalam PSR dari tahun 2016, iaitu pencapaian tertinggi, melepasi 70% sejak SPN21 diperkenalkan. Pencapaian ini telah mencerminkan usaha seluruh warga Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing terutama sekali tenaga pengajar untuk mendidik anak-anak bangsa dan memastikan mereka mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

## 2. Kedua, meningkatkan kemahiran

guru dan keupayaan kepimpinan pengetua / guru besar.

Ini adalah lanjutan usaha yang dibuat sebelum ini dan Ahli Kumpulan Bertindak (Focus Area Championship) telah mengenal pasti empat perkara yang akan diberikan penekanan bagi meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran bagi tahun 2018 seperti berikut :

### i. Mengukuhkan lagi kualiti pemimpin-pemimpin sekolah.

Bagi meningkatkan Kepimpinan Pengetua / Guru Besar, Brunei Darussalam School Leadership Standard (BDSLS) telah diperkenalkan pada tahun 2015. Seramai 113 pemimpin sekolah rendah seluruh negara telah pun dinilai berdasarkan standard ini. Dari data yang diperoleh menunjukkan bahawa 58 peratus para pemimpin telah mencapai kepimpinan di tahap 3 atau Level 3 - kepimpinan efektif atau *effective leadership* dan ditahap 4 atau level 4 - kepimpinan mantap atau *strength leadership*. Baseline data ini juga akan digunakan sebagai rujukan bagi proses pemantauan dan juga dalam merancang keperluan pembangunan kapasiti para pemimpin terutama yang berada di tahap 1 dan 2.

### ii. Mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menjurus ke arah perkembangan kemahiran Abad Ke-21.

Teras kejayaan pelaksanaan semua strategi ini ialah keupayaan para guru dalam mengimplementasinya. Oleh yang demikian, pembangunan profesional guru adalah terus giat dilaksanakan umpamanya melalui Akademi Guru Brunei (BDTA). Peramba / kaola / saya sangat yakin program yang kerap dijalankan akan membantu guru kitani untuk lebih kreatif dalam pengajaran serta yang dapat menyuntik semangat untuk meneruskan profesi perguruan secara amnya.

### iii. Melaksanakan School-Home Link di antara ibu bapa dan sekolah-sekolah.

School-Home Link adalah satu program bagi membantu pihak sekolah memantau perkembangan pembelajaran pelajar-pelajar di rumah dengan kerjasama ibu bapa / penjaga pelajar. Sebagai contoh untuk tujuan komunikasi yang berterusan, sesi muzakarah secara berterusan bersama pihak ibu bapa / penjaga serta komuniti telah diadakan, di samping juga memanfaatkan sosial media seperti WhatsApp. School-Home Link ini juga menggunakan kaedah *study programme* di mana para ibu bapa / penjaga pelajar memberikan bantuan kepada aktiviti-aktiviti pembelajaran para pelajar di rumah.

Ke muka 4

Dari Sidang Pengarang.

20 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 جُمَادَى الْأُولَى 3

## BERWASPADA DALAM KEADAAN CUACA TIDAK MENENTU

**O**RANG ramai dinasihati sentiasa prihatin dan menitikberatkan aspek keselamatan berikutan cuaca tidak menentu kebelakangan ini. Negara Brunei Darussalam pada masa ini mengalami keadaan cuaca hujan lebat serta angin kencang dan berpetir, mengakibatkan banjir atau banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang serta laut bergelora di beberapa kawasan di negara ini.

Sehubungan dengan ini, secara umumnya orang ramai adalah disarankan agar mengambil langkah waspada terhadap cuaca yang tidak menentu ketika ini dengan sentiasa memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa. Orang ramai juga hendaklah sentiasa memata-matai dan menegah keluarga atau anak-anak daripada melakukan aktiviti-aktiviti di air seperti di pantai dan sebagainya. Jangan sekali-kali berenang bersendirian di pantai atau membiarkan anak-anak biskita berenang tanpa diawasi apatah lagi dalam keadaan cuaca buruk sekarang yang tidak menentu dan berombak.

Penglibatan orang awam pada keseluruhannya dan khususnya kepada ibu bapa adalah disarankan untuk mengawasi dan menitikberatkan kepergian anak-anak mereka untuk memastikan keselamatan di mana saja mereka berada terutama sekali menghindari daripada berenang di laut ataupun sungai.

Di samping itu, kerjasama daripada guru-guru juga adalah penting dalam memberikan pengetahuan dan menyampaikan kepada penuntut dan murid di sekolah masing-masing mengenai bahaya dan keselamatan yang berhubung kait dengan musibah berkenaan dan nombor-nombor kecemasan yang perlu dihubungi.

Jabatan Bomba dan Penyelamat bersiap siaga 24 jam dan sentiasa membuat rondaan dan pemantauan di darat mahupun di perairan bagi mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku terutama sekali di kawasan-kawasan tinggi dan rendah serta kawasan yang dikenali pasti berisiko tinggi.

Orang ramai juga digalakkan untuk memuat turun aplikasi mudah alih bertajuk 'Safety Guide' atau 'Google Play Store' sebagai panduan asas kecemasan dan keselamatan awam yang disediakan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Jika berlakunya sebarang kecemasan, orang ramai dikehendaki untuk menghubungi terus talian kecemasan 995 Jabatan Bomba dan Penyelamat ataupun melalui Talian Darussalam 123 bagi sebarang aduan. - Ketua Penyuntingan (Nh).

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b> 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
<b>PEKAN BANGAR</b> 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
<b>PEKAN TUTONG</b> 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
<b>KUALA BELAIT</b> 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallaahuallam Bissawab  
Jabatan Kaicucuwa  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	3	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	AHAD	4	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
22	ISNIN	5	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	SELASA	6	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.41
24	RABU	7	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	KHAMIS	8	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	JUMAAT	9	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC  
123 | 2380214



# Berkenan kurniakan Watikah Pelantikan dan menerima Surat Tauliah Pelantikan

Oleh : Rohani Haji Abd Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan

Surat-Surat Watikah Pelantikan kepada Duta-Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan menerima Surat-Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-Ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam. Pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Ahmad

bin Haji Jumat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mohd Shafiee bin Haji Kassim. Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menerima Surat-Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin (kiri) dan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Ahmad bin Haji Jumat (kiri) dan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mohd Shafiee bin Haji Kassim (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura (kiri) dan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage (kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-Ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam, iaitu Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage (kanan).

#### Dari muka 3

Selepas Majlis Mengurniakan Surat-Surat Watikah Pelantikan dan Menerima Surat-Surat Tauliah Pelantikan, Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima mengadap Duta-Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, TYT Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin sebelum ini telah berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke

Kuwait.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, TYT Haji Harun bin Haji Junid sebelum ini menjawat jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, TYT Haji Ahmad bin Haji Jumat sebelum ini bertugas sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri dan Perdagangan.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, TYT Mohd Shafie bin Haji Kassim sebelum ini berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-Ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, PYT Caterina Ventura, pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan kepada Partnerships for Development Innovation Branch Global Affairs Canada.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, TYT Christian Ramage, pernah bertugas sebagai Ketua Keselamatan Diplomatik di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Perancis.

## HALUAN

#### Dari muka 2

#### iv. Menyediakan satu sistem yang saling mendukung jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.

Ini adalah satu usaha pembarangan di antara jabatan-jabatan dan pihak sekolah dengan menggunakan platform seperti jerayawa, penggunaan sosial media dan laman portal Kementerian Pendidikan bagi mengongsikan matlamat, peranan dan ekspektasi pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan usaha-usaha yang ada. Ini adalah perlu kerana jika di peringkat kementerian tidak sehaluan ataupun *disorganise*, maka pelaksanaan sesuatu rancangan sudah tentu sukar untuk berjaya.

#### 3. Perkara ketiga yang kini sedang berjalan ialah ke arah meningkatkan literasi dan numerasi pelajar.

Bagi meningkatkan literasi dan numerasi pelajar pula, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan Program Bimbingan Literasi dan Numerasi bekerjasama dengan mendatangkan Pembimbing Antarabangsa (International Coaches). Fasa pelaksanaan telah bermula dari Januari 2017 dengan tiga Insiatif Strategik; Program Bimbingan bagi guru-guru tempatan, Pembangunan Kapasiti bagi *system leaders* dan Pembangunan Kapasiti bagi pembimbing tempatan. Seramai 60 orang Pembimbing Antarabangsa telah memberikan sokongan kepada lebih 700 guru tempatan secara berjadual di kesemua 155 buah sekolah kerajaan (MoE dan MoRA).

Alhamdulillah, keberkesanan Program Pembimbingan Literasi dan Numerasi (LNCP) dari segi penglibatan pelajar di dalam pengajaran menunjukkan impak yang positif. Keterangan lanjut mengenai projek ini serta keberkesanannya akan dikongsikan oleh ketua projek sebentar lagi.

Proses pemantauan pencapaian standard literasi dan numerasi asalah bermula dari Tahun 1. Bagi pelajar-pelajar Tahun 1, 2 dan 3, mereka dipantau melalui Program Assessment Tracker (At). Mana-mana pelajar yang tidak mencapai tahap yang dihasratkan, mereka akan dimasukkan ke dalam program intervensi dalam waktu kurikulum yang menggunakan Kerangka dan Garis Pandu bagi Intervensi Sekolah. Kerjasama berterusan juga dilaksanakan dengan BDTA dan pihak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE) untuk meningkatkan lagi keupayaan guru dalam melaksanakan program intervensi.

Sukacita jua peramba / kaola / saya kongsi bahawa pada bagi program intervensi sekolah pelajar-pelajar Tahun 1, 2 dan 3. Program Literasi dan Numerasi Standard telah mensasarkan KPI Kebangsaan, iaitu 80% pelajar mencapai standard literasi dan numerasi bagi Tahun 1 dan Tahun 3 pada tahun 2020.

Pada tahun ini pula, Kementerian Pendidikan akan menyertai Programme for International Student Assessment (PISA) 2018 bersama dengan 80 buah negara lain. PISA ialah satu sistem penilaian yang diterajui oleh OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development) di mana ia akan menilai sistem pendidikan di seluruh dunia setiap tiga tahun dengan menilai (*assessing*) kecekapan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun dalam Matematik, Sains dan Membaca. Negara-negara yang menyertai PISA akan dapat mengukur pencapaian sistem pendidikannya sendiri. Persiapan-persiapan sedang giat dilakukan ke arah pelaksanaan PISA pada April tahun ini. Dapatan daripada kajian PISA 2018 ini nanti akan memberikan tanda aras mengenai tahap pencapaian *proficiency* pelajar-pelajar di negara ini dalam ketiga-tiga bidang yang dinyatakan tadi serta aspek-aspek

yang perlu ditangani untuk mencapai tahap numerasi dan literasi yang disasarkan.

InsyaaAllah, dengan usaha-usaha strategik yang telah dinyatakan tadi, Kementerian Pendidikan akan terus mara ke hadapan ke arah mencapai sasaran dan KPI bagi merealisasikan Wawasan 2035. Pada masa yang sama juga, usaha ini akan menyumbang ke arah sasaran Kementerian Pendidikan pada tahun ini, iaitu 90% kadar pelajar mendapat Gred 'A' hingga 'C' dalam keseluruhan mata pelajaran bagi PSR, dan 60% pelajar yang mendapat Kredit dalam Brunei GCSE 'O' Level dan IGCSE.

#### 4. TVET dan Pengajian Tinggi.

Bagi pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan dan Keajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat akan kualiti pengajian dan graduan dihasilkan. Pengeluaran graduan yang memenuhi kehendak pasaran adalah terus menjadi keutamaan bagi Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teknikal & Vokasional. Alhamdulillah, ia telah menampakkan hasil di mana kadar pekerjaan (*employment rate*) graduan kita semakin meningkat. Sebagai contoh kadar pekerjaan bagi graduan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) setelah dua tahun selesai pengajian melalui IBTE Follow-Up Employment Survey pada tahun 2017 ialah sebanyak 71.7%. Adalah diharapkan laluan ke pengajian tinggi semakin menjadi pilihan para pelajar memandangkan kursus-kursus yang ditawarkan adalah mengikut kehendak pasaran dan mampu menjanjikan peluang pekerjaan. Di samping itu, ia juga akan dapat menyahut keperluan tenaga pekerja mahir di industri-industri berkenaan di negara ini.

Bagi institusi-institusi pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan mengambil berat akan *marketability* dan *employability* para graduan. Oleh itu, institusi-

institusi pengajian tinggi sedang melaksanakan beberapa usaha bagi meningkatkan kualiti pada graduan, iaitu (i) memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah relevan dengan pasaran global masa kini, (ii) melaksanakan penyelidikan yang mampu menyumbang ke arah ilmu pengetahuan serta hasilnya yang mampu menajana pertumbuhan ekonomi negara, (iii) pertubuhan antarabangsa, (iv) jalinan kerjasama dan (v) Pendidikan Sepanjang Hayat (Lifelong Learning). Ini akan memastikan para graduan akan memiliki kompetensi dan *lifeskills* yang dikehendaki untuk memasuki pasaran pekerjaan mahupun bagi mereka memasuki bidang keusahawanan.

Dalam pada itu, Alhamdulillah, Kementerian Pendidikan berasa bangga dengan pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi kita pada tahun lepas. Sebagaimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018 di mana baginda telah berbangga dengan kejayaan Universiti Teknologi Brunei (UTB) meraih 4 bintang pada Penilaian Keseluruhan QS dan juga dengan beroperasinya Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Ini juga ditambah lagi dengan pembukaan Pusat Global UBT-FPT di Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini. Kecemerlangan yang lebih besar juga dicapai oleh pihak Universiti Brunei Darussalam apabila mendapat pengiktirafan berada di tempat 349 QS World Ranking dan kedudukan ke-37 bagi universiti-universiti yang diasaskan kurang dari 50 tahun yang lalu. Manakala itu, UTB pulamendapat kedudukan ke-9 QS Asia bagi universiti kejuruteraan dan teknologi di Asia Tenggara.

Semua perkembangan yang telah peramba / kaola / saya kongsi adalah dihasratkan untuk mendukung aspirasi negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pendidikan. Beberapa KPI Kebangsaan dan inisiatif-inisiatif telah dirangka dan sedang dilaksanakan ke arah ini. Apa yang, peramba / kaola / saya juga ingin tekankan di sini ialah betapa setiap projek atau program bagi setiap inisiatif itu adalah berkait rapat dan merentasi inisiatif lain. Ini melibatkan pendekatan keseluruhan dan holistik Kementerian Pendidikan dan juga kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di negara ini. Modiliti kerjasama yang efektif dan berkesan adalah amat perlu dalam memastikan kejayaan kita dalam membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan berkesan di negara ini.

Oleh itu, pandangan, nasihat dan sokongan padu malah penglibatan *at ground level* dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah amat dihargai. Peramba / kaola / saya berharap sekalian adalah amat dihargai. Peramba / kaola / saya berharap pada pagi ini kita akan dapat berbincang dan mendengarkan pandangan serta nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Apa jua isu-isu yang disuarakan insyaaAllah akan diambil perhatian, dipertimbangkan dan disusul mengikut kesesuaiannya.

Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan, peramba / kaola / saya sekali lagi menjunjung kasih / mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat hadir pada Sesi Muzakarah ini. Semoga permuakarah kita pada pagi ini banyak memberikan ilmu dan manfaat kepada kita semua.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# Menteri Pendidikan terima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu 17 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Biro Sains Serantau UNESCO untuk Asia dan Pasifik yang berpusat di Jakarta, Profesor Dr. Shahbaz Khan.

Beliau juga merupakan wakil UNESCO bagi Negara Brunei Darussalam.

Profesor Dr. Shahbaz Khan melawat ke negara ini bermula 16 hingga 19 Januari 2018 sebagai sebahagian daripada lawatan ke beberapa negara Ahli UNESCO.

Beliau berharap melalui lawatan ini akan dapat memperkukuhkan perkongsian masa depan yang ada di antara Pejabat UNESCO di Jakarta dan Kerajaan Brunei Darussalam.

Turut hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh dan pegawai Kementerian Pendidikan.

Antara perkara yang dibincangkan semasa kunjungan hormat tersebut ialah bidang-bidang kerjasama dalam Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (Education for Sustainable

Development - ESD) dalam usaha menggalakkan Sustainable Development Goal 4 (SDG4) Kualiti Pendidikan.

Beliau juga memberi penekanan pada promosi budaya dan warisan terutamanya mengenai warisan yang ketara dan tidak ketara di negara ini seperti makanan, tekstil, dan tapak bersejarah.

Profesor Dr. Shahbaz Khan juga ingin meneroka kerjasama dalam bidang lain seperti penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, pertanian dan awal kanak-kanak.

Selepas kunjungan hormat, Profesor Dr. Shahbaz Khan menyampaikan ceramah bertajuk 'UNESCO Initiatives to Promote Sustainable Tourism and World Heritage' di Universiti Brunei Darussalam.

Dalam ucapannya, beliau mengongsikan pelan UNESCO untuk pelancongan dan pengurusan warisan di mana aset budaya dihargai dan dilindungi.

Di samping itu, Pejabat UNESCO Jakarta katanya, telah memulakan satu projek pengurusan pelancongan yang mampan dalam usaha untuk melindungi dan memelihara nilai-nilai warisan yang unik dan asli di Asia Tenggara.

Pertemuan antara Profesor Dr. Shahbaz Khan dan Sekretariat



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kanan) menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Biro Sains Serantau UNESCO untuk Asia dan Pasifik yang berpusat di Jakarta, Profesor Dr. Shahbaz Khan (kiri).

Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam ke UNESCO juga diadakan yang melibatkan pihak berkepentingan yang berkaitan

dari pelbagai kementerian. Semasa berada di negara ini, Profesor Dr. Shahbaz Khan dijadualkan melawat Taman

Rekreasi Sungai Liang serta Perhutanan Brunei dan Muzium Herbarium, selain meneroka Taman Warisan Tasek Merimbun.

## Cara pembungkusan tingkat penghasilan produk agrimakanan PMKS



ANTARA yang hadir pada Taklimat Tempoh Simpan Produk Makanan pada Bengkel Pembungkusan kepada Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) (kiri). Manakala gambar kanan, Ketua Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Siti Juhaidah binti Haji Junaidi memberikan taklimat berkenaan.



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Peranan Bahagian Industri Agrimakanan ialah untuk merancang, menyelaras, melaksanakan dan memantau pembangunan industri agrimakanan dalam meningkatkan penghasilan produk agrimakanan yang berkualiti, selamat dan halal dalam pasaran.

Ketua Bahagian Industri

Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Siti Juhaidah binti Haji Junaidi berkata demikian semasa Taklimat Tempoh Simpan Produk Makanan pada Bengkel Pembungkusan bagi Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bertempat di Bilik

Sepakat, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seterusnya, beliau menegaskan kajian penentuan tempoh simpan adalah tanggungjawab pembuat / pemproses makanan. Ia tidak semestinya dilaksanakan menggunakan mesin canggih.

"Asas penentuan tempoh simpan bagi pengusaha makanan ialah menjalankan kajian sebenar dengan memerhatikan perubahan pada suatu produk makanan pada keadaan penyimpanan yang biasa," jelasnya.

Menurutnya, faktor yang mempengaruhi tempoh simpan

dalam seperti bahan mentah, formula resipi dan kandungan, bahan ramuan, keaktifan air, nilai pH dan keasidan serta ketersediaan oksigen dan potensi redoks.

Sementara itu, faktor yang mempengaruhi tempoh simpan luaran, iaitu kaedah pemrosesan, tahap kebersihan, bahan dan sistem pembungkusan juga penyimpanan, pendedaran dan pameran jualan runcit.

Dari itu, PMKS katanya akan lebih yakin terhadap produk yang dihasilkan dengan adanya tarikh mansuh dan 'guna sebelum' dilabelkan pada produk makanan.

Para pengusaha makanan tempatan juga dapat mengetahui ketahanan produk makanan dan pengetahuan tentang tatacara pelebalan tarikh 'guna sebelum' atau mansuh mengikut Akta dan Peraturan Kesihatan Awam (Makanan), Penggal 182, Kementerian Kesihatan.

Bengkel selama dua hari sehingga 18 Januari itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan PMKS di negara ini mengenai kepentingan pembungkusan dan penjenamaan dalam membangunkan perniagaan mereka.



# Haji Muhammad Nazirulariffin, Amal Afiqah johan membaca Al-Quran Kementerian Kewangan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada johan qari dan qariah Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi, iaitu Awang Haji Muhammad Nazirulariffin bin Haji Muhammad Zaini dari Kementerian Kewangan dan Dayang Amal Afiqah binti Ali dari Kementerian Kewangan (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 18 Januari. - Awang Haji Muhammad Nazirulariffin bin Haji Muhammad Zaini dan Dayang Amal Afiqah binti Ali masing-masing muncul johan qari dan

qariah Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi. Kedua-dua johan tersebut adalah dari Kementerian Kewangan

manakala naib johan Kategori Qari disandang oleh Awang Haji Mohd Basren bin Haji Bintang dari Agensi Pelaburan Brunei diikuti tempat ketiga ialah Awang Haji Abdul Razak bin Haji Mohd Hassan yang juga dari Agensi Pelaburan Brunei.

Sementara itu, naib johan Kategori Qariah disandang oleh Dayang Farah Dibba binti Abu Kassim dari Tabung Amanah Pekerja diikuti tempat ketiga ialah Dayang Khairul Bariah binti Ahmad dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil penyertaan pada majlis yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai enam qari dan enam qariah ikut serta dalam pertandingan tahun ini yang merupakan anjuran Agensi Pelaburan Brunei.

Majlis seumpama ini adalah salah satu aktiviti tahunan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk menggalakkan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di samping untuk menyetingkatkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai dan kakitangannya.

ANTARA pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis tersebut.



## Loji Mini beri kemudahan pembelajaran IBTE

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**KUALA BELAIT,** Khamis, 18 Januari. - Bagi keselesaan dan kemudahan pembelajaran yang autentik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengadakan Majlis Pelancaran Rasmi Loji Mini bertempat di IBTE Kampus Jefri Bolkih, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan ialah Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia dan SHENA), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu.

Beliau dalam ucapannya antara lain menjelaskan, projek tersebut bermula pada bulan Jun 2015 lalu di bawah Rangka Kerja Kecekapan Industri Tenaga (EICF) yang diadakan dengan kerjasama di antara IBTE, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM (EIDPMO) dengan syarikat-syarikat pembekal serta perkhidmatan dalam industri minyak dan gas.

Menurutnya, EICF yang pertama kali dilancarkan pada bulan Julai 2013 itu dengan tujuan



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga Manusia dan SHENA), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu semasa mengadakan lawatan ke Loji Mini IBTE (kiri). Sementara gambar kanan, Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia dan SHENA), JPM merasmikan Loji Mini bertempat di IBTE Kampus Jefri Bolkih, Kuala Belait.

untuk membantu mengurangkan bahkan menghapuskan masalah ketidakpadanan kemahiran dengan penajaran kursus mengikut keperluan industri.

"Loji Mini tersebut adalah untuk menjadikan pelajar lebih

kompeten dan boleh bekerja dengan majikan dalam Industri Tenaga, ini juga selaras dengan Wawasan Negara 2035," tambah beliau lagi.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para

penaja yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan kemudian diikuti dengan lawatan ke Loji Mini IBTE.

Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pendidikan dan

EIDPMO; Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Chin Wei Keh; pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan EIDPMO serta wakil dari syarikat pengendali serta perkhidmatan dalam industri minyak dan gas.





# Sektor penerbangan semakin berkembang

Dari muka 1

Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Perhubungan turut menjunjung kasih atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian

Pendidikan dalam memberikan Biasiswa Khas tersebut kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan untuk memenuhi keperluan negara dalam jurusan Pegawai Trafik Udara.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat menyeru para penerima Biasiswa Khas agar memberikan komitmen prestasi pembelajaran

yang tinggi dalam pengajian masing-masing.

Yang Berhormat menambah, kerjaya yang bakal dijabat itu memerlukan tanggungjawab yang besar bagi memastikan keselamatan penerbangan pada tahap yang tinggi.

Semasa ditanya mengenai peluang-peluang pekerjaan di sektor penerbangan, Yang

Berhormat menyeru ibu bapa dan penjaga supaya akan memberikan peluang kepada anak masing-masing yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian, supaya menceburkan diri dan meneroka bidang tersebut memandangkan pasaran pekerjaan dalam sektor itu begitu berkembang di dalam negara mahupun di luar negara.

## Lapan graduan terima Anugerah Biasiswa Khas



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa ditemui pada Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Biasiswa Trafik Udara bertempat di Kementerian Perhubungan.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyerahkan Sijil Anugerah Biasiswa Trafik Udara kepada para penerima yang diadakan di Kementerian Perhubungan (kiri dan kanan).

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Negara Brunei Darussalam akan menghantar empat mahasiswa dan empat mahasiswi bagi mengikuti latihan sebagai Pegawai Trafik Udara dengan Majlis Penyampaian Sijil

Anugerah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, di

sini. Pada majlis tersebut, penyampaian sijil Anugerah Biasiswa tersebut disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerbangan Awam, Awang Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof semasa berucap menerangkan bahawa Skim

Biasiswa Khas Pegawai Trafik Udara adalah di bawah jalinan kerjasama antara Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan dengan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan udara yang selamat dan efisien di Negara Brunei Darussalam.

Tambah beliau, para penerima Anugerah Biasiswa tersebut bakal mengikuti dua fasa program latihan selama satu tahun.

Fasa pertama jelasnya, akan dijalankan di Akademi Penerbangan Awam Malaysia (MAVA) dan diikuti dengan fasa kedua iaitu latihan secara *on the job training* dalam negeri.

Apabila tamat dan berjaya memperolehi lesen pada tempoh yang telah ditetapkan kelak terangnya, para penerima Anugerah Biasiswa tersebut akan ditawarkan jawatan dalam Bahagian Perkhidmatan Trafik Udara, Jabatan Penerbangan Awam.

Perkhidmatan trafik udara merupakan elemen penting dalam perkhidmatan pengangkutan udara, dan sebagai langkah memastikan perkhidmatan tersebut sejajar dengan matlamat pengangkutan yang dirancang, maka fokus utama Jabatan Penerbangan Awam ialah untuk menyediakan para Pegawai Trafik Udara yang mencukupi.

Ketika ini Jabatan Penerbangan Awam mempunyai seramai 18 Pegawai Trafik Udara Terlatih yang berkhidmat 24 jam secara

bergilir-gilir.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi; pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan dan pihak berkuasa serta ahli-ahli keluarga para penerima anugerah tersebut.



LAPAN mahasiswa dan mahasiswi yang terpilih menerima Anugerah Biasiswa Trafik Udara.



PEMANGKU Pengarah Penerbangan Awam, Awang Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof ketika memberikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.



# DANA terima sumbangan BND13,837.82



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (depan, dua dari kiri) semasa hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) yang diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

RIMBA, Khamis 18 Januari. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) menerima sumbangan sejumlah BND13,837.82 dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Majlis yang berlangsung

di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu

Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah kepada Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Turut hadir, Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, Ketua Kampung Rimba Zon 2, pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB serta penduduk kampung.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menyampaikan sumbangan ABDB untuk DANA kepada Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

## Dedahkan pelajar kepentingan keselamatan internet

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 18 Januari. - Bagi menggalakkan keselamatan serta mesra internet kepada para pelajar, Sekolah Panaga dan Microsoft Brunei akan melancarkan Pertandingan Mengenai Tip Keselamatan Internet.

Pertandingan tersebut dibukakan kepada pelajar di seluruh negara pada dua peringkat, iaitu rendah dan menengah.

Ini bertujuan untuk menggalakkan para pelajar mempamerkan kepentingan keselamatan internet dan menjadi warga digital berkemahiran.

Guru Pakar Pendidikan Digital, Neil Lynch menyatakan, peraduan tersebut merupakan platform untuk membolehkan para pelajar negara ini menjadi warga digital yang

baik dan memberi kuasa kepada rakan-rakan serta keluarga mereka supaya mempunyai pengalaman digital yang lebih selamat dan bermakna.

Pengetahuan itu tambahnya, adalah persaingan yang dipimpin oleh para pelajar yang sedang dipelajari oleh para pelajar menengah di Sekolah Panaga.

Usaha serta pertandingan tersebut disokong oleh pihak Microsoft dan pemenang dalam setiap kategori akan memenangi pelbagai hadiah yang ditaja oleh Microsoft Brunei.

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah melayari laman sesawang [bit.do/toptip](http://bit.do/toptip).



PELAJAR Sekolah Panaga diberi pendedahan bagi kepentingan keselamatan internet dan bakal menjadi warga dan pengguna digital yang berkemahiran.

## Pantau pembelajaran anak-anak



ANTARA ibu bapa yang hadir pada Mesyuarat Pertama PIBG Tahun 2018 dan Mesyuarat Agung Pembubaran Ahli PIBG 2015 - 2017 serta Pelantikan Ahli Jawatankuasa Baharu PIBG 2018 - 2020 bagi Sekolah Rendah Haji Mohd Ja'afar Maun Kiulap.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Januari. - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Haji Mohd Ja'afar Maun Kiulap mengadakan Mesyuarat Pertama PIBG Tahun 2018 dan Mesyuarat Agung Pembubaran Ahli PIBG 2015 - 2017 serta Pelantikan Ahli Jawatankuasa Baharu PIBG 2018 - 2020.

Antara yang menghadiri mesyuarat tersebut, Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Haji Abu Bakar, Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Noraini binti Haji Timbang, guru-guru, Ahli PIBG Tahun 2015 - 2017 dan ibu bapa serta penjaga murid sekolah berkenaan.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Mini, Sekolah Rendah Haji Mohd Ja'afar Maun Kiulap, di sini.

Terdahulu, Dayang Hajah Noraini yang juga selaku Penasihat PIBG dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyeru ibu bapa dan penjaga murid untuk sentiasa memantau pembelajaran anak-anak di rumah, iaitu memberikan panduan dan peraturan di rumah, sentiasa berkomunikasi dengan anak, memberi motivasi untuk anak, menyemak kerja anak-anak dan sentiasa berkomunikasi dengan pihak sekolah.

Selain itu, katanya, ibu bapa dan penjaga hendaklah bertanggungjawab dan

bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menangani masalah kehadiran dan faktor sosial anak-anak.

Terangnya, peranan ibu bapa dan penjaga adalah menghubungi pihak sekolah, sekiranya anak mereka tidak dapat hadir ke sekolah.

Beliau juga berharap perbincangan tersebut membuahkan hasil dan kata sepakat demi peningkatan pembelajaran dan mencapai kecemerlangan anak-anak.

Antara agenda mesyuarat ialah membubaran Ahli PIBG 2015 - 2017 dan Pelantikan Ahli Jawatankuasa PIBG Baharu 2018 - 2020.

Pada mesyuarat itu, Awang Afdanizan bin Haji Md. Serudin telah dilantik sebagai Pengerusi PIBG 2018 - 2020.





## Apa Pendapat Biskita?

### Projek Rintis Gaji Dua Kali Sebulan

**P**EMBAYARAN gaji dua kali sebulan bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri secara projek rintis yang diperkenalkan bermula Januari 2018 yang rasionalnya pembayaran gaji dua kali sebulan itu bertujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai pegawai dan kakitangan untuk membiayai keperluan harian, memudahkan perancangan perbelanjaan, membantu kelangsungan aktiviti komersial dan perekonomian dalam negara, sekali gus menjadikan ekonomi domestik lebih berdaya tahan.

Pelaksanaan secara rintis itu juga bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan menilai dan meneliti maklum balas yang diperoleh daripada pelaksanaan program berkenaan sebelum menimbangkan untuk melaratkannya ke agensi lain.

Memandangkan Sistem Gaji Berkomputer dan Sistem Gaji Hari adalah di bawah kawalan Jabatan Perbendaharaan, maka pelaksanaan rintis di Kementerian Kewangan akan memudahkan Jabatan Perbendaharaan untuk mendapatkan maklum balas segera daripada pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan daripada mereka yang menerima gaji dua kali sebulan.

"Pembayaran gaji dua kali sebulan tersebut baik bagi kami yang kandung suami isteri menerima gaji dua kali sebulan. Misalnya, jika kami, gaji suami saya dulu dibelanjakan setelah itu nanti kalau perlu sangat baru digunakan gaji saya.

Perbelanjaan pun cukuplah daripada sebulan ke sebulan tidaklah perlu menunggu hujung bulan lagi, cuma perbelanjaan harus dikawal memandangkan gaji hanya separuh diterima serta pembelian barangan dapur tidaklah dapat dibeli semua, kita membeli yang perlu sahaja agar mencukupi untuk ke akhir bulan." - **Nurul, Perumahan Rimba.**

"Selalunya lepas membayar segalanya barulah membeli keperluan barang dapur dan rumah. Baki belanja hanya tersisa pada pertengahan bulan saja. Lepas itu kewangan tidak mencukupi dan terpaksa menggunakan wang simpanan.

Tetapi setelah gaji separuh-separuh diperkenalkan alhamdulillah, automatik pandai sendiri mengatur untuk setiap dua minggu perbelanjaan. Tetapi gaji yang ada tidaklah boleh digunakan semua kerana tetap dikawal hingga sampai ke penghujung bulan." - **Tikah, Perumahan Rimba.**

"Walaupun awalnya banyak yang tidak setuju, tapi sudah rintis dijalankan, alhamdulillah banyak *feedback* yang positif, mengajar diri sendiri untuk mengawal perbelanjaan bulanan dan bijak merancang kewangan masing-masing untuk mengelak daripada berhutang.

Tidak lagi perlu menunggu hujung bulan untuk menerima gaji. Biasanya satu hingga lima hari selepas gaji, duit sudah habis membayar bil dan membeli barang dapur. Tapi sekarang, alhamdulillah kewangan dapat diatur untuk perbelanjaan dua minggu." - **Fitri, Perumahan Rimba.**

"Pendapat saya dengan gaji dua kali sebulan memang baik kerana potongan yang mempunyai pinjaman juga dipotong separuh dan bakinya juga akan dipotong separuh lagi pada hujung bulan.

Kalau sebelumnya kita hanya menerima gaji pada penghujung bulan kadang-kadang gaji tidak sampai ke hujung bulan memandangkan beberapa pinjaman peribadi. Dengan adanya gaji dua kali sebulan dapatlah menampung kekurangan walaupun separuh namun jika perbelanjaan tidak dikawal ceritanya tetap sama." - **Jalau, Perumahan Meragang.**

**Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan**

**nama sebenar atau nama pena.**


**Sila e-mel pendapat biskita ke :**

**pelita.brunei@information.gov.bn**

**i. Belia Ceburi Bidang Perniagaan.**

**ii. Penglibatan Sukarelawan.**

## Peluang pelajar PB dapatkan latihan teknologi jalur lebar



**KETUA** Pegawai Eksekutif TelBru, David Holliday semasa menyaksikan peralatan Optical Line Terminal (OLT) yang disumbangkan oleh TelBru dan Huawei Technologies Sendirian Berhad kepada Politeknik Brunei.

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**LUMUT**, Khamis, 18 Januari. - Sebagai inisiatif memperkembangkan bakat dalam teknologi info-komunikasi (ICT) tempatan dan pentingnya membangunkan industri ICT di Negara Brunei Darussalam, Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan Huawei Technologies Sendirian Berhad (Huawei) menyerahkan sumbangan peralatan 'Optical Line Terminal' (OLT) kepada Politeknik Brunei (PB) pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE), PB, di sini.

Dengan peralatan OLT tersebut, selain daripada disambungkan kepada rangkaian terpantas dan paling selamat di Negara Brunei Darussalam, penuntut-penuntut PB juga akan berpeluang mendapatkan latihan praktikal bagi menggalakkan pemahaman

yang lebih meluas mengenai peralatan teknologi jalur lebar tetap.

Kolaborasi industri dan akademik di antara TelBru, Huawei dan PB bertujuan untuk membantu mempersiapkan para individu tempatan berbakat dalam industri ICT bagi memimpin negara ke dalam ekonomi digital dalam pelbagai aspek, sejajar dengan visi Wawasan 2035.

Hadir mewakili TelBru selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Holliday. Turut hadir ialah Deputy Chief Representative Huawei Technologies, Carol Kok.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah PB, Denis Ho Mun Tai menyampaikan ucapan penghargaan kepada TelBru dan Huawei di atas sumbangan tersebut, dengan harapan

Program Kejuruteraan Sistem dan Telekomunikasi yang akan menggunakan peralatan yang ditaja untuk kajian praktikal mereka bagi memperoleh kemahiran yang relevan untuk kelayakan *employability* mereka setelah tamat pengajian di PB.

David Holliday pula menekankan peralatan OLT akan memberikan manfaat kepada penuntut-penuntut dalam mempelajari bagaimana fiber berfungsi, di samping memahami konsepnya secara praktikal berbanding teori, dapat membantu mereka meningkatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap teknologi tersebut.

Majlis diakhiri dengan lawatan dan demonstrasi peralatan tersebut yang telah disediakan dan dipasang sebelumnya oleh Huawei sebagai rakan kongsi untuk penajaan bersama tersebut yang dikendalikan oleh beberapa penuntut SSE.

## Kempen Derma Darah JBP 20, 23 Januari

**Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 18 Januari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama pihak Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

(Hospital RIPAS) dan Cawangan Operasi 'E' akan mengadakan Kempen Derma Darah.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada 20 Januari 2018, Sabtu, mulai jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat

di Hua Ho Petani Mall, Tutong.

JBP sekali lagi akan meneruskan kempen yang sama bersama pihak Perkhidmatan Makmal, Hospital Ripas dan Cawangan Operasi 'D' pada 23 Januari 2018, Selasa bertempat di Balai Bomba Sungai Kebun, mulai jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

## Masyarakat, polis bersama cegah jenayah

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TEMBURONG**, Khamis, 18 Januari. - Daerah Polis Temburong mengaktifkan rondaan pencegahan jenayah pada awal tahun ini dengan berganding bahu bersama Ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Labu.

Rondaan juga pemantauan berjalan kaki dan menggunakan bas dijalankan bagi melawat rumah-rumah kosong, kawasan Sekolah Rendah, Kawasan Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi serta persekitaran kampung yang berada di bawah tadahan Kampung Labu.

Seramai tujuh anggota Balai Polis Bangar, diketuai oleh Focal Point PK Lans Koperal 5398 Zainuddin bin Marsal serta empat Ahli PK Kampung Labu Estate

diketuai oleh Ketua Kampung Labu Estate, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pengerusi PK menjalankan rondaan tersebut yang bermula dari jam 8.45 malam hingga tengah malam.

Sementara itu, di Daerah Brunei dan Muara pula, Balai Polis Berakas juga membuat rondaan pencegahan jenayah.

Ia disertai oleh empat anggota dari Balai Polis Berakas yang diketuai oleh Sarjan 3084 Azlan selaku Focal Point PK serta empat ahli PK yang diketuai oleh Awang Ahmanizan bin Ahmad.

Rondaan berkenaan dijalankan dengan menggunakan kenderaan

di sekitar Kampung Lambak 'A', Kampung Terunjing Baru serta di kawasan-kawasan bangunan premis perniagaan di Jalan Pasir Berakas, bermula pada jam 10.40 malam hingga 2.00 pagi.

Dengannya pencegahan jenayah bersama PK itu akan dapat meningkatkan lagi kewaspadaan masyarakat dalam sama-sama memastikan keselamatan kawasan di kampung mereka bebas jenayah.

Kesepaduan di antara Ahli-ahli PK dengan anggota-anggota Penguatkuasa Undang-undang juga akan meningkatkan lagi keharmonian bermasyarakat.



# Dua Public Ruling baharu diperkenalkan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Salah satu fungsi Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan adalah untuk mentadbir cukai pendapatan korporat bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39.

Satu sesi taklimat mengenai 'Income Tax Public Ruling' (Keeping of Books of Account and Payment and Refund of Income Tax) diadakan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai-pegawai Kewangan Kanan dari Bahagian Hasil, iaitu Dayang Roslina binti Haji Liman dan Lim Wei Yeh dan Pegawai Kewangan, Dayang Norul Adibah binti Haji Abdullah.

Ini merupakan susulan bagi taklimat yang diadakan pada tahun lalu bagi membariskan empat Public Ruling yang terdahulu, iaitu Public Ruling No. 1/2017 (Tax Audit Framework); Public Ruling No. 2/2017 (Deductible and Non-Deductible Expenses Under Section 11 and 12 of the Income Tax Act); Public Ruling No. 3/2017 (Construction Contracts and Property Development) dan Public Ruling No. 4/2017 (Withholding of Tax).

Objektif taklimat tersebut adalah bagi memperkenalkan dua Public Ruling baharu yang dikeluarkan oleh Bahagian Hasil, iaitu Public Ruling No. 5/2017 (Keeping of



PEGAWAI-pegawai Kewangan Kanan dari Bahagian Hasil, iaitu Dayang Roslina binti Haji Liman dan Lim Wei Yeh dan Pegawai Kewangan, Dayang Norul Adibah binti Haji Abdullah pada taklimat mengenai Income Tax Public Ruling (Keeping of Books of Account and Payment and Refund of Income Tax).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Masri Osman

Books of Account) dan Public Ruling No. 6/2017 (Payment and Refund of Income Tax).

Public Ruling tersebut berkuatkuasa pada 1 Januari 2018, selain ia sebagai usaha berterusan

untuk memperbaiki persekitaran perniagaan di negara ini, juga bagi memperkukuh proses-proses *post filing* di bawah petunjuk *paying taxes* di dalam Laporan Ease of Doing Business.

Kandungan bagi Public Ruling No. 5/2017 (Keeping of Books of Account) adalah ketetapan yang menerangkan jenis-jenis rekod dan dokumen sumber yang perlu disediakan serta disimpan oleh syarikat bagi menyokong kesemua transaksi perniagaan.

Sementara Public Ruling No. 6/2017 (Payment and Refund of

Income Tax) menerangkan cara pembayaran cukai pendapatan, proses bayaran balik dan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi menyokong permohonan tersebut.

Taklimat itu dihadiri oleh akauntan-akauntan awam, agen-agen cukai, syarikat-syarikat dan institusi kewangan.

# Undang-undang Persaingan jana pertumbuhan ekonomi



BENGKEL 'The Japan - ASEAN Integration Fund Program for Sub-Regional Workshop on the Selection and Prioritization of Sectors or Industries for Market Studies' berlangsung selama dua hari bermula 17 hingga 18 Januari 2018 bertempat di Dewan Bahtera, Hotel Badi'ah (kiri). Manakala gambar kanan, antara peserta yang mengikuti bengkel tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ASEAN Competition Authorities.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Undang-undang Persaingan semakin mendapat perhatian dan diakui secara meluas sebagai landasan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, produktiviti, merangsang inovasi dan membawa manfaat kepada pengguna dengan pilihan yang lebih baik, harga dan barangan berkualiti.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengerusi Suruhanjaya Persaingan

Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny semasa berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Pemilihan dan Pengutamaan Sektor atau Industri untuk Pengajian Pasaran (Workshop on the Selection and Prioritization of Sectors or Industries for Market Studies) bertempat di Dewan Bahtera, Hotel Badi'ah, di sini.

Menurutnya, pasaran yang kompetitif juga memberi peluang

kepada perniagaan kecil yang baharu dan sedia untuk mengembangkan dan memasuki pasaran.

"Oleh itu, ia tidak lagi menjadi pilihan untuk mempunyai rejim persaingan yang berkesan agar negara kita kekal relevan dalam pasaran dunia yang berdaya saing di luar sana dan berpandukan wawasan negara iaitu Wawasan 2035.

Sejak pelantikan Komiti Pertandingan Brunei Darussalam dan penubuhan Jabatan Persaingan dan Pengguna pada Ogos 2017, kerja persediaan seperti garis panduan pengawalseliaan asas yang sedang berjalan perlu bagi

pelaksanaan undang-undang secara berperingkat," terangnya.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ini tambahnya, telah memulakan usaha sejak tahun lalu dalam membuat perjumpaan dengan pembuat dasar di jabatan kerajaan serta perniagaan, selain beberapa persatuan perdagangan ke arah meningkatkan kesedaran mengenai 'Competition Order 2015' dan tindakan utama yang ditegah oleh undang-undang.

Sehubungan itu, beliau turut melahirkan kepercayaan bahawa

melalui bengkel ini para peserta akan mendapat manfaat daripada pertukaran pengalaman dan perbincangan selain melalui para pakar persaingan dan pengamal ASEAN.

Bengkel 'The Japan - ASEAN Integration Fund Program for Sub-Regional Workshop on the Selection and Prioritization of Sectors or Industries for Market Studies' akan berlangsung selama dua hari bermula 17 hingga 18 Januari 2018 dan disertai oleh 37 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ASEAN Competition Authorities.



Oleh : Jabatan Radio Televisyen Brunei dengan kerjasama Noriah Haji Abdul Hamid, Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

# Melangkah ke era penyiaran televisyen digital

**S** IARAN televisyen Radio Televisyen Brunei (RTB) telah melangkah ke era digital setelah menutup siaran televisyen analog di Stesen Pemancaran Bukit Subok pada tengah malam 31 Disember 2017. Siaran televisyen analog telah mula dipancarkan di negara ini pada 9 Julai 1975.

RTB telah melaksanakan penutupan siaran analog secara berfasa dalam dua peringkat. Siaran televisyen analog yang dipancarkan dari Stesen Pemancaran Andulau, Daerah Belait telah ditutup pada 31 Julai 2017. Manakala penutupan dari Stesen Pemancaran Bukit Subok, Daerah Brunei dan Muara pula telah dilaksanakan pada 31 Disember 2017.

Penutupan siaran televisyen analog atau *analogue switch-off* (ASO) juga dikenali sebagai *digital switch-over* (DSO). Pelaksanaan ASO di Negara Brunei Darussalam adalah selaras dengan trend penyiaran global. Ia turut dilaksanakan ke arah menepati sasaran tarikh yang ditetapkan oleh negara anggota ASEAN untuk menamatkan siaran televisyen analog menjelang tahun 2015 hingga 2020. Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah sebuah negara anggota ASEAN yang turut meneraju dan menyelaras pelaksanaan peralihan ke siaran televisyen digital dalam ASEAN.

Selain bertujuan untuk menepati sasaran tarikh ASO yang ditetapkan bagi negara anggota ASEAN, RTB juga mengambil kira beberapa faktor dalam melaksanakan penutupan siaran analog antaranya :

1. Trend penyiaran televisyen di seluruh dunia adalah menggunakan format digital definisi tinggi (HD). Peralihan ke siaran digital merupakan satu kemajuan bagi memastikan rakyat dan penduduk di negara ini menikmati siaran televisyen yang berkualiti.

2. Kualiti siaran televisyen digital adalah jauh lebih baik berbanding dengan siaran televisyen analog.

3. Sistem penyiaran analog adalah sistem penyiaran yang telah pupus (*obsolete*) dan alat gantinya telah tidak lagi dikeluarkan dan dibekalkan.

4. Penggunaan spektrum frekuensi setelah penutupan siaran analog dapat dioptimumkan penggunaannya bagi perkhidmatan komunikasi lain.

RTB telah memulakan siaran percubaan televisyen digital dengan menggunakan piawaian DVB-T (Digital Video Broadcasting - Terrestrial) pada tahun 2006. Siaran percubaan ini adalah menggunakan alat pemancar yang hanya berkuasa kecil 100W di Stesen Pemancaran Bukit Subok dan liputan bagi kawasan Bandar Seri Begawan sahaja.

Pada tahun 2009, fasa pertama projek pendigitalan penyiaran telah siap dilaksanakan yang meliputi kerja-kerja pembinaan menara dan bangunan baharu di Stesen Pemancaran Bukit Subok termasuk pemasangan sistem-sistem dan alat-alat pemancaran. Siaran televisyen digital dalam piawaian DVB-T ini telah dipancarkan dengan menggunakan alat pemancaran

berkuasa 5kW yang meliputi Daerah Muara dan Brunei, Daerah Temburong dan sebahagian Daerah Tutong.

RTB seterusnya melaksanakan projek pendigitalan fasa kedua yang bertujuan untuk meluaskan lagi liputan siaran ke seluruh negara pada tahun 2014 dengan menggunakan teknologi penyiaran digital DVB-T2, iaitu generasi kedua DVB-T. Fasa kedua ini termasuk menaik taraf dan memasang sistem peralatan pemancaran DVB-T2 yang berkuasa 5kW di kedua-dua stesen pemancaran Bukit Subok dan Andulau. Pada masa ini, siaran televisyen digital RTB telah dapat diterima hampir 99% kawasan berpenduduk di negara ini.

Di samping membangunkan infrastruktur pemancaran di kedua-dua stesen pemancaran dalam format digital, RTB juga telah menaik taraf peralatan-peralatan penerbitan kepada format digital termasuk :

1. Sebuah van siaran luar (Outside Broadcast van) HD.
2. Menai ktaraf dua buah van siaran luar ke format HD.
3. Sistem penerbitan televisyen mudah alih (*fly-away production kit*) HD.
4. Menaik taraf studio-studio TV ke format HD.

5. Penggantian dan menaik taraf kamera-kamera ENG (Electronic News Gathering Cameras), sistem-sistem penyuntingan video dan lain-lain.

Langkah-langkah ini adalah untuk menerbitkan rancangan-rancangan televisyen dalam kualiti HD.

Pembarigaan secara berterusan telah giat dilaksanakan oleh RTB sejak tahun 2006 apabila percubaan siaran digital dimulakan. Kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti kesedaran awam yang telah dilaksanakan antara lain termasuk RTB Media Karnival, jerayawara, taklimat, pameran dan juga melalui risalah maklumat, promosi melalui radio dan televisyen, media cetak dan media sosial. Maklumat yang disampaikan melalui kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti tersebut termasuk trend perkembangan teknologi penyiaran, status projek

pendigitalan penyiaran di negara ini, jenis alat penerimaan digital dan kaedah bagi menerima siaran televisyen digital RTB. Pihak teknikal RTB juga memberi khidmat nasihat kepada orang ramai mengenai isu-isu penerimaan siaran dari semasa ke semasa.

Selain itu, RTB juga mengadakan sesi-sesi perjumpaan bersama syarikat-syarikat pembekal untuk berkongsi maklumat mengenai status perkembangan projek pendigitalan. Ini termasuk spesifikasi teknikal (*technical specification*) alat penerima digital kepada mereka bagi memastikan alat-alat penerimaan di pasaran adalah sesuai di negara ini.

Para penonton boleh menerima siaran televisyen digital RTB melalui kaedah berikut iaitu :

1. Menggunakan iDTV, iaitu set televisyen yang dilengkapi dengan penala digital (*built-in*

*digital tuner*); atau,

2. Memasang *set-top box* ke set televisyen analog. *Set-top box* adalah sejenis alat penerima signal siaran televisyen digital.

Para penonton adalah disarankan untuk memasang aerial luaran jenis Ultra High Frequency (UHF) bersama alat *booster* yang berkenaan dan menghalakan aerial tersebut ke Stesen Pemancaran Bukit Subok atau Stesen Pemancaran Andulau. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai iDTV dan *set-top box* melalui syarikat penjual peralatan elektronik semasa membeli alat penerimaan digital berkenaan.

Saluran televisyen RTB Perdana, RTB Aneka dan RTB Sukmaindera dapat diterima di seluruh negara melalui siaran televisyen digital termasuk kelima-lima perkhidmatan rangkaian radio RTB.

Bagi mengikuti siaran televisyen digital RTB dengan jelas, sila gunakan:

- Set televisyen digital yang mempunyai *built-in tuner* (iDTV) dengan sistem DVB-T2 atau
- Set Top Box (STB) (sejenis alat penerima siaran televisyen digital)

Halakan aerial / antenna jenis Ultra High Frequency (UHF) ke

- Stesen Pemancaran Bukit Subok (bagi Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong)
- Stesen Pemancaran Andulau (bagi Daerah Belait dan sebahagian Daerah Tutong)

DISARANKAN untuk memasang *aerial booster* bagi mendapatkan siaran yang optima jika terdapat halangan seperti bukit-bukau atau bangunan-bangunan tinggi

\* Terma-terma teknikal ini boleh diajukan kepada pembekal atau penjual televisyen digital bagi memastikan orang ramai mendapatkan jenis set televisyen dan alat STB yang betul

www.rtb.gov.bn





# Menjaga kebersihan

dan jiwa. Sesungguhnya orang yang membersihkan dirinya adalah orang-orang yang berjaya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Alaa, ayat 14 :

**Tafsirnya :**

"Sesungguhnya berjaya lah orang yang mensucikan dirinya daripada kufur dan maksiat."

Dalam mewujudkan suasana dan keadaan yang bersih, semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dan berperanan bagi memastikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara dalam keadaan yang bersih dan sihat. Ketahuilah kurangnya kesedaran masyarakat akan peri pentingnya menjaga kebersihan seperti membuang sampah bukan pada tempat yang telah disediakan boleh menyebabkan persekitaran kita menjadi kotor. Longkang-longkang dan saluran air tersumbat, air sungai tercemar, kotor dan berbau busuk, pemandangan tempat awam dan kawasan juga menjadi tidak elok dan sebagainya. Malahan perkara ini boleh mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi seperti banjir, tiada air bersih untuk kegunaan seharian, wabak dan penyakit berjangkit semakin menular yang dibawa oleh binatang-binatang kecil seperti tikus, lipas, lalat dan nyamuk. Perkara seperti ini jika tidak ditangani sedari awal, sudah setentunya akan membebankan diri kita, keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran rumah atau di luar rumah, pejabat atau tempat-tempat awam pada setiap masa dan tempat serta jadikanlah sikap pembersih itu sebagai budaya atau amalan hidup seharian di mana juga kita berada agar kebersihan dan kesihatan kita, keluarga, masyarakat dan negara sentiasa terjamin. Sesungguhnya agama kita sangat mementingkan dalam menjaga kebersihan sama ada kebersihan jasmani mahupun rohani. Ini kerana kebersihan merupakan faktor utama sebelum melakukan sebarang pekerjaan khususnya dalam melakukan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Contohnya sebelum menunaikan

sembahyang, kita hendaklah mandi dan membersihkan diri dari sebarang kekotoran yang ada pada tubuh badan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Imam At Tirmidzi.

**Maksudnya :**

"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata : Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bagaimana pendapat kamu kalau ada sebatang sungai di hadapan pintu rumah salah seorang dari kamu, dia mandi di dalamnya lima kali tiap-tiap hari? Adakah masih tinggal kotoran pada tubuhnya? Para sahabat menjawab : Sudah tentu tidak tinggal sesuatu pun daripada kotoran. Baginda menyambung : Maka begitulah juga perumpamaan sembahyang lima waktu. Allah menghapuskan dosa-dosa kecil dengan sebabnya."

Kerana itu, agama kita juga sangat mengambil berat tentang penjagaan kebersihan rohani lebih-lebih lagi kebersihan hati, iaitu dengan menjauhkan diri daripada sifat-sifat *madzmumah* seperti sifat marah, hasad dengki, kedekut, telampau banyak makan, telampau banyak cakap, kasihkan kemegahan, kasihkan dunia, ujub, takbur dan riak. Semua ini tidak akan dapat dihindarkan jika kita tidak berusaha untuk mensucikan hati nurani kerana dari hatilah punca segala penyakit lahir dan batin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Iman Al-Bukhari.

**Maksudnya :**

"Daripada Nu'man bin Basyir berkata, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Ingatlah bahawa di dalam tubuh manusia itu ada segumpal darah, apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak maka rosaklah keseluruhan jasad dialah hati."

Sesungguhnya hati nurani yang bersih mendorong kita untuk berakhlak mulia, berkeperibadian terpuji, sentiasa mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasa menjaga kebersihan diri, tempat tinggal, menjauhi makan dan

minum dari sumber yang haram dan *syubhah*, menutup aurat dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faatir, ayat 18 :

**Tafsirnya :**

"Dan sesiapa yang mensucikan dirinya daripada kufur dan maksiat maka sesungguhnya dia mensucikan diri untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan kepada Allah jualah tempat kembali."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memberi jaminan bahawa orang yang berusaha mensucikan jiwanya daripada sebarang kekotoran hati adalah orang-orang yang berjaya mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan pasti mendapat ganjaran yang besar, manakala bagi orang-orang yang mengotori jiwanya dengan sifat-sifat keji adalah orang-orang yang rugi kerana ia akan semakin jauh daripada mendapat rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, sama-samalah kita menjaga kebersihan dalam kehidupan kita seharian sama ada kebersihan di tempat awam, tempat-tempat persendirian, tubuh badan mahupun kebersihan jiwa dan rohani. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang bersih dan bebas dari sebarang penyakit dan merbahaya. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, mensucikan diri dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amal soleh. Aamin Ya Rabbal Alamin.

Surah Asy-Syams ayat 109.

**Tafsirnya :**

"Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih dengan iman dan amal kebajikan. Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu sesuatu dan terbenam kebersihannya dengan sebab kekotoran maksiat."

## Persidangan Antarabangsa Ke-5, 24 hingga 26 Januari



KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa mengadakan Sidang Media mengenai Persidangan Antarabangsa Ke-5 mengenai Penyelidikan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Tahun 2018 yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Januari ini.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Persidangan Antarabangsa Ke-5 mengenai Penyelidikan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Tahun 2018 akan berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Januari, bertempat di Dewan Tarbiyyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan (KUPU SB).

KUPU SB mengadakan satu Sidang Media mengenai Penyelidikan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Tahun 2018 akan berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Januari, bertempat di Dewan Tarbiyyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Haji Ahmad dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Seramai 100 pembentang dan 200 peserta terdiri daripada kumpulan sarjana, pakar, ahli akademik, penyelidik, pegawai kerajaan dan pelajar pasca-sarjana disasarkan menyertai persidangan berkenaan.

Persidangan itu bertemakan 'Transformasi Pendidikan Islam dalam Era Industri 4.0' yang mana industri 4.0 adalah trend semasa

automasi dan pertukaran data dalam teknologi perkilangan termasuk sistem siber-fizikal, internet dan pengkomputeran awan.

Persidangan bertujuan untuk mencadangkan program akademik yang akan dianjurkan bersama oleh Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), KUPU SB dan UNISSA.

Ia juga untuk memberi peluang kepada ahli akademik, penyelidik,

pakar dan pelajar berkongsi pendapat serta hasil penyelidikan yang berkaitan dengan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.

Usaha tersebut merupakan inisiatif yang perlu ditanam supaya Pendidikan Islam dan bahasa Arab sentiasa relevan untuk menghadapi cabaran baharu era baharu Industri 4.0; di mana alatan dan ICT saling berkaitan dan apakah peranan umat Islam pada masa ini.



# Lindungi integriti bendera negara



SESI Soal Jawab bersama ahli-ahli panel yang diundang pada Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Berakas.



PEGAWAI Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin dalam taklimatnya mengenai tatacara penggunaan banner, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan buat julung kalinya mengendalikan Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Lebih 20 peserta yang terdiri dari pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat percetakan dan syarikat-syarikat pembinaan di Daerah Brunei dan Muara hadir pada sesi jerayawara berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Taklimat tersebut disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin yang antara lain menyentuh mengenai tatacara betul dalam penggunaan banner, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional. Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Tujuan jerayawara tersebut diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara, menanam tanggungjawab menghormati, melindungi integriti bendera negara serta panji-panji Negara Brunei Darussalam setiap masa, di samping memastikan tidak ada penyalahgunaan banner; bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

mengenai tatacara betul dalam penggunaan banner, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional. Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Tujuan jerayawara tersebut diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara, menanam tanggungjawab menghormati, melindungi integriti bendera negara serta panji-panji Negara Brunei Darussalam setiap masa, di samping memastikan tidak ada penyalahgunaan banner; bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

# Pesta Pengguna Ke-20, 24 hingga 28 Januari

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Januari. - Pesta Pengguna Ke-20 (20th Consumer Fair) akan diadakan pada 24 hingga 28 Januari di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Lebih 400 petak jualan daripada 180 pengusaha tempatan dan antarabangsa menyertai pesta tersebut yang dikendalikan oleh D'Sunlit Sendirian Berhad. Schubungan itu, Majlis

Penandatanganan Pesta Pengguna Ke-20 bersama wakil-wakil dari NBT (Brunei) Sendirian Berhad, Hamitan Group, Oregon Systems dan Gintell (B) Sendirian Berhad berlangsung di Pejabat D'Sunlit Sdn. Bhd., Beribi, di sini. Menandatangani bagi pihak D'Sunlit Sendirian Berhad diwakili oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Jackson Ting dan Pengurus Operasinya, Ngu Tiing Siang. Majlis juga diteruskan dengan taklimat dan tayangan video bagi para wakil syarikat serta pertubuhan yang akan menyertai pesta pengguna itu nanti. Taklimat antara lain menerangkan mengenai perkembangan terbaharu, isu-isu logistik dan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi memastikan acara pesta pengguna tersebut berjalan dengan lancar. Pesta pengguna tersebut bertemakan 'Remembering the Past, Celebrating the Present, and Envisioning the Future' yang mana akan menyediakan pelbagai pameran dan aktiviti menarik termasuk Pameran Neon Gallery yang menampilkan beberapa artis mural dari Arttralia, Vintage Shop dan Kempen The Missing Endangered. Para pengunjung juga akan berpeluang memenangi beberapa hadiah menarik pada Grand Lucky Draw acara berkenaan termasuk tiket-tiket penerbangan dari Royal Brunei Airlines dan sebuah kereta Toyota Vios. Untuk maklumat lanjut mengenai Pesta Pengguna Ke-20, orang ramai boleh menghubungi D'Sunlit Sendirian Berhad melalui talian +673 2453666 atau melayari Facebook : *Brunei Consumer Fair* dan Instagram @*consumerfair.bn*.

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : 'MOD APPROVED LIFT CONTRACTOR' SAHAJA KATEGORI : [5k SAHAJA] - (KOD LAMA) [KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 30 JANUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DME / 04 / BPB / 2018  
NAMA PROJEK : MAINTENANCE OF 'SCHINDLER' LIFTS AT PEJABAT MUFTI BUILDING FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX (36) MONTHS.  
YURAN TAWARAN : BND10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

(4)  
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : 'MOD APPROVED LIFT CONTRACTOR' SAHAJA KATEGORI : [5k SAHAJA] - (KOD LAMA) [KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 30 JANUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :

JKR / DME / 05 / BPB / 2018  
NAMA PROJEK : MAINTENANCE OF 'SIGMA' LIFTS IN GOVERNMENT BUILDINGS FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX (36) MONTHS.  
YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

(5)  
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : 'MOD APPROVED LIFT CONTRACTOR' SAHAJA KATEGORI : [5k SAHAJA] - (KOD LAMA) [KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 30 JANUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DME / 06 / BPB / 2018  
NAMA PROJEK : MAINTENANCE OF 'MITSUBISHI' LIFTS IN GOVERNMENT BUILDINGS FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX (36) MONTHS.  
YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

(6)  
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : 'MOD APPROVED LIFT CONTRACTOR' SAHAJA KATEGORI : [5k SAHAJA] - (KOD LAMA) [KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 30 JANUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DME / 07 / BPB / 2018  
NAMA PROJEK : MAINTENANCE OF 'SCHINDLER' LIFTS IN GOVERNMENT BUILDINGS FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX (36) MONTHS.  
YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

(7)  
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : IV KATEGORI : 4a - (KOD LAMA) B01 - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 30 JANUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DBSBM005 / 2017  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAIKAN PEJABAT BLOK 'A' DAN 'C', BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
PROJEK : 2017DBSBM / JPKE.001  
YURAN TAWARAN : BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB...") boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.



PUSAT PEMBANGUNAN BELIA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

QUOTATION NO. : 10 / 2017 / KKBS / PPB / 08 (RE-QUOTATION)

QUOTATION TITLE : TERMS CONTRACT 12 MONTHS TO SUPPLY AND DELIVERY OF BUTANE, OXYGEN, ACETYLENE, ARGON AND CARBON DIOXIDE GAS FOR TRAINING PROGRAMMES AT PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1) QUOTATION is open to contractor / company who is registered with the Government of His Majesty The Sultan of Brunei Darussalam.

2) Quotation is to be submitted using the

specific forms available and to be put inside a sealed envelope with stating only the quotation's number, title and closing date without revealing the contractor / company's identity. To be put inside the Quotation Box [Green Color Coding] available at and to be addressed to Chairman of Quotation's Committee :

1st Level, Ministry of Culture Youth and Sport's Building  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan  
Bandar Seri Begawan, BS81110  
Negara Brunei Darussalam.

Not later than 2.00 Pm on 25th January 2018 (THURSDAY)

3) Quotation received later than the starts time and date will not be entertain.

4) a) Further enquiries can be obtained from the Administration Section, Youth

Development Centre, Ministry of Culture, Youth and Sports, Tanah Jambu Main Road, NBD;

b) Quotation's documentation can be obtained from the Financial Section, Level 1, Ministry of Culture, Youth and Sports; and

c) Payment of the quotation's fee can be made at the Financial Section, Level 1 from 8.00 Am to 11.30 Am and from 2.00 Pm to 3.00 Pm every working day except on Saturday (only available until 11.30 Am).

5) Late date to get the quotation's documentation is on 23rd January 2018 (TUESDAY), before 3.00 Pm.

6) Quotation fees will be BND10.00 in the form of cash or local cheque. Document fees will not be refunded.

7) It is STRONGLY ADVISED for every contractor / company who wishes to take part in this quotation, to visit the site; PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (YOUTH DEVELOPMENT CENTRE), JALAN UTAMA TANAH JAMBU office / building /

compound before submitting any offer. Any enquiries and appointment can be referred to officer-in charge / representative at +673 2393681 / 2 extension 717 (Pegawai Latihan) 741 (Pengajar Teknik Kanan) during office hour.

8) Before the quotation's documentation is given, every contractor / company are requested to show their Company's Certificate of Registration; (Business Names Act Section 16 and 17) and / or Supplier / Contractor's Registration Certificate from Ministry of Development Certificate as required to the officer in-charge and during the process of settling payment of the quotation's fee.

9) Copy of certificates and payment receipt as stated in paragraph 6 and 8 respectively, to be attached along with the quotation's documentation submitted.

10) The Government of His Majesty The Sultan of Brunei Darussalam will not certainly to accept any lowest quotation or any-any quotation received.





JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

FORESTRY DEPARTMENT  
MINISTRY OF PRIMARY  
RESOURCES AND TOURISM  
(MPRT)

Open Invitation for Proposals

TO INVEST, OPERATE, MAINTAIN  
AND MANAGE THE CAMPING SITE  
AT BERAKAS FOREST  
RECREATION PARK (BFRP)  
IN BRUNEI DARUSSALAM  
Reference No. :  
MPRT / RFP / 2017 / 17

THE Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, operate, maintain and manage the Camping Site at Berakas Forest Recreation Park (BFRP) in Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To create a sustainable, safe, reliable, attractive and affordable tourism product that can be enjoyed by both domestic and foreign visitors;
2. To generate employment for the locals;
3. To create business opportunities through collaboration and partnership; and
4. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism

product.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an email to [rfp@mprt.gov.bn](mailto:rfp@mprt.gov.bn) with subject heading "MPRT/RFP/2017/17 Proposals To Invest, Operate, Maintain and Manage the Camping Site at Berakas Forest Recreation Park (BFRP) in Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Completed proposal should be submitted not later than **2.00 pm on Tuesday, 30th January 2018** in a sealed envelope clearly labelled as below :

MPRT / RFP / 2017 / 17  
PROPOSALS TO INVEST,  
OPERATE, MAINTAIN  
AND MANAGE THE CAMPING  
SITE AT BERAKAS FOREST  
RECREATION PARK (BFRP)  
IN BRUNEI DARUSSALAM  
Tender Box, Ground Floor  
Ministry of Primary Resources  
and Tourism  
Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Brunei Darussalam.



JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

FORESTRY DEPARTMENT  
MINISTRY OF PRIMARY  
RESOURCES AND TOURISM  
(MPRT)

Open Invitation for Proposals

TO INVEST, OPERATE, MAINTAIN  
AND MANAGE DESIGNATED AREA  
AT THE ULU TEMBURONG  
NATIONAL PARK (UTNP)  
IN BRUNEI DARUSSALAM  
Reference No. :  
MPRT / RFP / 2017 / 18

THE Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, operate, maintain and manage designated area at the Ulu Temburong National Park (UTNP) in Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To create a sustainable, safe, reliable, attractive and affordable tourism product that can be enjoyed by both domestic and foreign visitors;
2. To generate employment for the locals;
3. To create business opportunities through collaboration and partnership; and
4. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism

product.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an email to [rfp@mprt.gov.bn](mailto:rfp@mprt.gov.bn) with subject heading "MPRT/RFP/2017/18 Proposals To Invest, Operate, Maintain and Manage Designated Area at the Ulu Temburong National Park (UTNP) in Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Completed proposal should be submitted not later than **2.00 pm on Tuesday, 27th February 2018** in a sealed envelope clearly labelled as below :

MPRT / RFP / 2017 / 18  
PROPOSALS TO INVEST,  
OPERATE, MAINTAIN AND  
MANAGE DESIGNATED AREA  
AT THE ULU TEMBURONG  
NATIONAL PARK (UTNP)  
IN BRUNEI DARUSSALAM  
Tender Box  
Ground Floor  
Ministry of Primary Resources  
and Tourism  
Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Brunei Darussalam.



PEJABAT PENERBANGAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

JUALAN LELONG BAGI 32 BUAH  
KENDERAAN PEJABAT  
PENERBANGAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA

Syarat-Syarat Tawaran :

1. KENDERAAN-kenderaan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
2. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan kenderaan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran ini.
3. Penender yang berminat hendaklah mendapatkan borang tawaran dengan caj harga BND50.00 setiap SATU (1) dokumen tawaran sahaja (tidak dikembalikan) di Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hangar 2, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon

+673 2460043 sambungan 2046 / 2035 / 2045.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan tajuk "TAWARAN LELONG SEBUT HARGA TERTUTUP, BIL. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 59" tanpa menunjukkan identiti penender dan hendaklah dihantar ke HMSF Quotation's Box, Security Main Gate, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hangar 2, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada **Isnin, 29 Januari 2018, jam 12.00 Tengah Hari** dan mana-mana tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Penender yang berjaya disokong hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh masa DUA (2) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya, maka kenderaan

berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

6. Penender yang berjaya disokong hendaklah MEMINDAHKAN barangan tersebut tidak lewat TUJUH (7) hari selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

7. Jika penender yang berjaya disokong GAGAL MEMINDAHKAN barangan tersebut dalam tempoh TUJUH (7) hari selepas membuat pembayaran, barangan berkenaan akan menjadi MILIK jabatan dan jabatan berhak untuk melong semula barangan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.

JUALAN LELONG BAGI 32 BUAH  
KENDERAAN PEJABAT  
PENERBANGAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA

BIL. JENIS / MODEL KUANTITI

1. Toyota Hiace D / Van 1
2. Toyota Camry V6 GX Saloon 1
3. Toyota Camry V6 Vienta Sedan 1
4. Toyota Corona 1.6 GL Saloon 1

5. Toyota Corolla 1.6 GLi Sedan/Saloon 6
6. Mazda E200 Mini Bus 1
7. Mitsubishi Lancer 1.3 GLXi Saloon 1
8. Mitsubishi Lancer 1.5 GL Sedan 1
9. Mitsubishi Magna Executive Sedan 3
10. Nissan Sunny 1.5 EX Saloon 11
11. Nissan Sunny 1.6 Super Saloon 4
12. Nissan Sunny 1.6 EX Saloon 1

Adalah dimaklumkan bahawa satu jualan lelong 32 buah Kenderaan akan diadakan pada :

Tarikh :  
**15, 16, 18 dan 20 Januari 2018**

Jam :  
**9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**

**2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

Bertempat :  
Garage Kenderaan / Jentera GSE  
Bahagian Kenderaan  
Hangar 2, Pejabat Penerbangan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Lebuhraya Rimba  
Bandar Seri Begawan, BB2713  
Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN NO. 1 :  
MINDEF / DFA / RC / 158-A (1)  
TRANSPORTATION SERVICES  
FOR BANGAR CAMP  
(MEDIUM BUS)  
- FIVE (5) YEARS CONTRACT

TENDER FEE :  
BND100.00 (tidak dikembalikan)

NOTA :

1. Information Day akan dimaklumkan kemudian;
2. Diutamakan bagi penender yang berada di Daerah Temburong.

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00**

Petang, Selasa, 13 Februari 2018.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula pada **10 Januari 2018**.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :  
Isnin dan Rabu  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong

sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 hendaklah disertakan.

h. Salinan surat pengesahan

pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara hendaklah disertakan.

i. Salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan Annual General Meeting hendaklah disertakan.

j. Pembekal yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

k. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini.

l. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>





Kenali budaya dan tradisi masyarakat kitani

Oleh :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

# Kuih tradisi Tapai kegemaran ramai



SALAH seorang pengusaha dan pembuat makanan tradisi, Dayang Hajah Norliah binti Haji Sulaiman.



GERAI 57, yang terletak di Premis Sumbangsih Mulia yang dimiliki oleh Dayang Hajah Rosnah binti Haji Sapar menjual Tapai buatan Dayang Hajah Norliah.



KUIH tradisi Tapai yang menjadi makanan kegemaran ramai.

**M**ENURUT salah seorang pengusaha dan pembuat makanan tradisi Tapai, Dayang Hajah Norliah binti Haji Sulaiman, kebersihan tubuh badan, dapur serta alat-alat dapur adalah sangat penting dalam membuat Tapai.

Jelas Dayang Hajah Norliah yang berusia 58 tahun, pembuatan Tapai memerlukan bahan-bahan makanan seperti beras, sedikit gula dan laru atau ragi.

Cara-cara membuat Tapai jelasnya lagi, bukanlah senang, ia memerlukan ketekunan untuk mendapatkan hasil Tapai yang diinginkan sesuai dengan kehendak pelanggan yang berhasrat untuk membeli.

Beliau seterusnya menjelaskan, cara-cara membuatnya adalah dengan mula-mula memasak nasi dan setelah masak, nasi tersebut dimasukkan ke dalam nyiru untuk dirata-ratakan dan disejukkan.

"Kemudiannya setelah sejuk, barulah diayakkan laru dan sedikit gula di serata permukaan nasi tersebut dan kemudiannya terbalikkan nasi dan diayakkan lagi laru dan sedikit gula dipermukaan yang belum rata, seterusnya setelah semua bahagian terkena laru, bungkuslah dengan Daun Nipah," tambah beliau lagi.

Dayang Hajah Norliah seterusnya menjelaskan, acuan yang tepat untuk membuat Tapai

tersebut membuatkan banyak orang tidak sanggup untuk membuat Tapai sendiri dan lebih suka untuk membeli di kedai-kedai.

Terdahulu, Dayang Hajah Norliah menerangkan Tapai-Tapai buatannya boleh didapati di Gerai 57, Premis Sumbangsih Mulia yang diniagakan oleh Dayang Hajah Rosnah binti Haji Sapar.

Selain Tapai boleh dibungkus dengan Daun Nipah ada juga sebahagian pengusaha membungkus dengan Daun Simpung yang masih muda kerana jika menggunakan daun yang sudah tua kualiti rasa Tapai sedikit berkurangan.

Sebenarnya banyak khasiat Daun Simpung dalam masyarakat Melayu antaranya dapat dimanfaatkan untuk mencegah dan mengubati beberapa macam penyakit seperti panas dalam.

Khasiat Daun Simpung juga boleh mengawal kadar gula darah. Simpung sangat sesuai dimakan oleh penghidap diabetes sehingga kadar gula dalam darahnya tidak naik, mengatasi radang usus jika awda mengalami peradangan pada usus, atasi dengan tanaman Simpung.

Pengubatan dengan rutin dapat meredakan gangguan cerna, sebagai ubat bibir kering, iaitu salah satu gejala kekurangan Vitamin 'C'.

**'KHASIAT Daun Simpung juga boleh mengawal kadar gula darah. Simpung sangat sesuai dimakan oleh penghidap diabetes sehingga kadar gula dalam darahnya tidak naik, mengatasi radang usus jika anda mengalami peradangan pada usus, atasi dengan tanaman Simpung.'**



Oleh : Hajah Siti Zuraihah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

# PMB landasan menyampaikan maklumat rasmi kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 18 Januari. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dihasrat agar dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan yang diungkuhkan.

Pada masa yang sama, ia juga diharap dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi PMB selama dua hari pada 18 dan 20 Januari dan kali ini disertai oleh 25 orang terdiri daripada Ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung serta penduduk dari Kampung Subok dan Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir, Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat untuk Ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung serta penduduk dari Kampung Subok dan Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu. Turut hadir, Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Belimbing (tiga, kiri).

bin Mohd. Salleh yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Belimbing.

Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir dalam ucapannya selaku Pengerusi Majlis antara lain menjelaskan, PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan

maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Program itu tambahannya, akan diadakan secara berterusan di keempat-empat daerah selaras dengan usaha jabatan ke arah

membudayakan masyarakat bermaklumat.

Pada program tersebut, beberapa taklimat telah disampaikan, antaranya dari Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, taklimat dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan - 'Keusahawanan Ternakan', taklimat dari Darussalam Enterprise (DARE) mengenai



**KETUA** Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis.

'Keusahawanan', taklimat dari Jabatan Hal Ehwal Syariah - 'Konsep Makanan Halal dalam Islam' dan taklimat dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri mengenai 'Keselamatan Dalam Negeri'.

Para peserta juga akan berpeluang membuat lawatan ke Perusahaan Riza Fudhlana Farming.

## Natijah memakan makanan halal, haram

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 18 Januari. - Antara natijah memakan yang halal ialah Allah Subhanahu Wata'ala akan menurunkan rahmat-Nya, menambah cahaya pada hati si pemakannya, melembutkan hati dalam beribadah serta mencergaskan seluruh anggota badan untuk taat berbuat ibadah di mana semua perkara ini menyebabkan terakabulnya doa-doa dan diterima amalan soleh.

Manakala jika memakan yang haram pula ialah jauh daripada segala kebajikan, akan mengeras dan menggelapkan hati, mengekang seluruh anggota badannya daripada beribadat dan berbuat taat, menjadikannya sentiasa mencintai dunia dan semua perkara itu menyebabkan tidak terakabulnya doa-doanya dan tidak diterima amalan soleh.

Demikian dijelaskan oleh

Pegawai Pemeriksa Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Mohd. Nazerul Wafiq bin Haji Hussin semasa menyampaikan taklimatnya mengenai Konsep Makanan Halal dalam Islam pada Program Masyarakat Bermaklumat yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Berakas.

Menurut beliau, makanan halal diertikan sebagai segala sesuatu makanan yang dapat dimakan oleh manusia dan diperbolehkan dalam syariat Islam, dan bukanlah makanan haram yang disebutkan oleh Allah dalam nas syarak.

Manakala makanan haram jelasnya, adalah makanan yang dilarang oleh syarak untuk memakannya.

Beliau menjelaskan, makanan halal ialah makanan yang dibenarkan untuk orang Islam,

bersih dan suci pada pandangan syarak, seperti bebas daripada najis, tidak memudaratkan jasad atau akal, binatang yang dinaskan syarak tentang halalannya, tidak terdiri daripada binatang yang tidak disembelih menurut hukum syarak dan tidak disediakan / diproses di kilang dengan benda najis.

Menurut hukum syarak jelasnya, tatacara penyembelihan adalah dengan mematikan nyawa binatang yang halal dimakan dengan memutuskan saluran pernafasan (halkum) dan saluran makan / minum (*mari'*), iaitu dengan menggunakan alat yang tajam dan mestilah dengan niat kerana Allah Ta'ala.

"Dengan menggunakan alat tajam tujuannya adalah supaya halkumnya cepat putus dan supaya tidak menyiksa binatang tersebut," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, makanan yang halal boleh menjadi *syubhah* jika makanan itu tidak diyakini kehalalannya, bercampur dengan bahan daripada makanan haram dan binatang halal yang diragui kesahihan penyembelihannya.

**PEGAWAI** Pemeriksa Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Mohd. Nazerul Wafiq bin Haji Hussin semasa menyampaikan taklimatnya mengenai Konsep Makanan Halal dalam Islam.



**ANTARA** Ahli Jawatankuasa Kampung Subok dan Kampung Belimbing yang hadir pada program tersebut.



# MINDA

## PEMBACA

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Langkah Berjimat Cermat Menggunakan Elektrik'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2018
2. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018
3. 'Suburkan Semangat Bermucang-Mucang'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2018

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510.  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Menangi

BND75

Setiap Minggu



# Semua pihak bertanggungjawab menjayakan wawasan negara



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd Yusre bin Haji Mabob semasa menyampaikan Taklimat Mengenai Wawasan Brunei 2035 pada Program Masyarakat Bermaklumat (kanan). Sementara gambar kiri, Ahli-Ahli Jawatankuasa dari penduduk Kampung Subok dan Kampung Belimbing yang hadir pada program tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 18 Januari. - Wawasan Negara Brunei menjelang 2035 nanti adalah mempunyai masyarakat yang maju dan berkemahiran dalam pelbagai bidang, taraf kehidupan masyarakat bertambah baik dan ekonomi negara yang kukuh. Dalam menjayakan wawasan tersebut, ia adalah tanggungjawab semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang merangkumi orang awam, pemimpin akar umbi, pertubuhan bukan kerajaan

(NGOs), sektor swasta, sektor awam, Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dan peneraju-peneraju. Demikian dijelaskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd Yusre bin Haji Mabob semasa menyampaikan Taklimat Mengenai Wawasan Brunei 2035 semasa Program Masyarakat Bermaklumat berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan,

di sini. Wawasan mempunyai tiga matlamat, 12 hasil pencapaian, 28 bidang utama dan 37 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan dipantau bermula tahun 2015 sehingga 2035. "Kita hanya mempunyai sekitar 16 - 17 tahun untuk mencapai Wawasan 2035, namun masih banyak yang perlu diusahakan untuk mencapai KPI yang sudah ditetapkan," ujarnya. Beliau seterusnya mengongsikan contoh inisiatif terkini ke arah mencapai Wawasan 2035 di mana ke arah mencapai matlamat bagi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam sistem

pendidikan dari pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan agama dan standard persekolahan di negara ini (Brunei School Standards). Selain itu, kursus-kursus Industry Competency Framework juga ditawarkan bagi mencapai perkembangan sumber tenaga manusia. Bagi mencapai kualiti kehidupan rakyat pula ujarnya, pembangunan infrastruktur giat diperkembangkan selain meningkatkan keberkesanan dan produktiviti perkhidmatan awam. Sementara itu, bagi mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan pula, peluang-peluang pekerjaan dibukakan dan

perkembangan keusahawanan di negara ini terus mendapat sokongan. Beliau terdahulu menyatakan, di dalam Wawasan Brunei 2035 ada 13 strategi di mana setiap strategi tersebut mempunyai penerajunya tersendiri dan peranan peneraju tersebut pula ialah membuat perancangan melalui jawatankuasa, melaksanakan inisiatif dan pelan tindakan serta pemantauan dan perkembangan KPI Kebangsaan. Satu Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 juga telah dihasilkan bagi mengurus dan memantau agenda pembangunan negara dengan lebih fokus dan holistik.

# Juara pertandingan video terima hadiah BND5,000

**JERUDONG,** Jumaat, 19 Januari. - Ciptaan video Awang Anas Afandi bin Haji Md. Hussain dan Dayang Siti Seri Leila Imelda Farah Zohre binti Haji Abdullah berjaya memenangi kategori masing-masing pada pertandingan video yang diselenggarakan

oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC). Video kreatif bakat-bakat muda, Awang Anas Afandi dipilih juara bagi Kategori In-Vitro Fertilization dan juara Kategori Health Screening, Dayang Siti Seri Leila Imelda Farah Zohre

dengan 'Vehicle and You', masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND5,000. Sementara itu, Adam Groves dan Dayang Siti Nurfazirah binti Abdul Manaf masing-masing meraih tempat kedua dan ketiga bagi Kategori In-Vitro Fertilization.

Manakala naib juara Kategori Health Screening ialah Awang Mohammad Suhardy bin Haji Hambali dan tempat ketiga, Awang Mohammad Solehin bin Haji Masri.

Pemenang kedua dan ketiga membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 dan BND1,000.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah di JPMC di sini ialah Pentadbir Hospital JPMC, Chris Carvalho.

Pertandingan kali ini menerima lebih 30 penyertaan video dan dari jumlah berkenaan tiada pemenang bagi Kategori Varicose Vein.

Hasil video-video berkenaan ditayangkan semasa Ekspo China ASEAN (CAEXPO) Ke-14 di Nanjing, Guangxi China pada September lalu, dalam usaha mempromosi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang terdapat di JPMC.

Melalui pertandingan seumpama



PENTADBIR Hospital JPMC, Chris Carvalho (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Kategori In-Vitro Fertilization, Awang Anas Afandi bin Haji Md. Hussain.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Hamzah Mohidin

itu, memberikan peluang kepada bakat-bakat industri kreatif terutama golongan muda

dalam mengetengahkan hasil mutu bakat mereka yang tersendiri.

## BIBD bantu tingkatkan pertumbuhan usahawan tempatan

Siaran Akhbar :  
Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 19 Januari. - Dalam usaha Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk memberi sokongan kepada pertumbuhan dan pembangunan usahawan di negara ini, bank berkenaan mengadakan Taklimat Perkhidmatan BIBD PKS 360 kepada usahawan-usahawan baharu.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Pengurus Kanan Perbankan Korporat BIBD, Pengiran Sanusi Iskandar bin Pengiran Haji Ismail bertempat di Pusat Pembangunan Kapasiti, di sini.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas, mengenai peluang dan kemudahan yang ditawarkan oleh BIBD kepada usahawan tempatan, di samping bagi membantu meningkatkan pertumbuhan keusahawanan.



# Sukan

## INFO SUKAN

SUKAN catur merupakan acara kompetitif yang juga boleh disertai oleh orang kurang upaya berbagai-bagai kategori kecacatan seperti cacat penglihatan, cacat fizikal dan cacat pendengaran yang berperanan sebagai acara integrasi sosial antara orang kurang upaya dengan masyarakat umum.



ePaper Pelita Brunei



PASUKAN MS PDB (jersi merah) semasa menentang pasukan Kasuka FC (jersi kelabu) pada Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 19 Januari. - Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) mengikat Kasuka FC dengan keputusan 2-2 pada Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah malam tadi.

Pada separuh masa pertama, MS

PDB menjaringkan dua gol, hasil jaringan Awang Fakhrol Tamimi bin Haji Sahari pada minit ke-7 dan Awang Md Forish Aryan bin Abd Rahman pada minit ke-39.

Manakala Kasuka FC memperoleh jaringan pertama melalui pemain Awang Haji Shariful Bahrin bin Haji Zainal pada minit ke-31.

Sementara itu, pada separuh masa kedua, Kasuka FC berjaya menyamakan jaringan pada minit ke-58 melalui Awang Md Nazri bin Haji Hassan.

Perlawanan seterusnya di mana Jerudong FC bertemu Tabuan Muda 'A' akan diadakan pada esok, 20 Januari jam 8.15 malam di Kompleks Sukan Berakas.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah  
Pg. Osman

# MS PDB ikat Kasuka FC, 2-2

## LIGA SUPER BRUNEI DST 2017

### JADUAL PERLAWANAN

#### SABTU

(20 Januari 2018)

**JERUDONG FC lwn TABUAN MUDA 'A'**  
(Kompleks Sukan Berakas, 8.15 Malam)

#### AHAD

(21 Januari 2018)

**KOTA RANGER FC lwn WIJAYA FC**  
(Kompleks Sukan Berakas, 8.15 Malam)

**LUN BAWANG lwn INDERA SC**  
(Kompleks Sukan Batu Apoi, 3.00 Petang)



PEMAIN Pasukan Kasuka FC semasa mengawal bola pada perlawanan menentang MS PDB di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

## Tahukah Awda

CHINA State Construction Port Engineering Group Corp. Ltd. bagi pihak Hengyi Industries Sdn. Bhd. menjalankan aktiviti penggerudian di Pulau Muara Besar (PMB) Eastern Channel bermula 30 Disember 2017 sehingga 30 November 2018.

Pelampung kuning dengan cahaya kuning akan digunakan bagi menandakan sempadan di sepanjang tepi kawasan penggerudian manakala saluran paip terapung akan ditandakan dengan lampu berkelip merah pada jarak 50m untuk keselamatan pengemudian pada waktu siang dan malam.

Semua kapal atau bot yang beroperasi berdekatan dengan Eastern Channel PMB adalah dinasihatkan untuk menjauhi kawasan tersebut sepanjang tempoh operasi dijalankan.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti penggerudian, sila rujuk kepada NTM di laman sesawang Jabatan Laut atau hubungi Hengyi Industries Sdn. Bhd. melalui talian +673 2610210.

SUMBER : Siaran Akhbar Hengyi Industries Sdn. Bhd., 28 Disember 2017.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**PASTIKAN KESELAMATAN KAWASAN KAMPUNG BEBAS DARI JENAYAH**

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.